

14 AUG 2003

MAHATHIR-WTO/I

MAHATHIR GEMBIRA DENGAN KENYATAAN EZULWINI MENGENAI WTO

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

MBABANE, (Swaziland) 14 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah melahirkan rasa puas hati beliau terhadap draf "Kenyataan Ezulwini" yang akan dikemukakan ke Mesyuarat Peringkat Menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Cancun, Mexico bulan depan, yang mengandungi gesaan sebulat suara bagi melindungi kepentingan Dunia Ketiga ketika perbincangan-perbincangan perdagangan.

Tan Sri Omar Abdul Rahman, pengerusi Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM), berkata Dr Mahathir memberitahu beberapa pemimpin Dunia Ketiga yang beliau "gembira" dengan "Kenyataan Ezulwini" ketika pembukaan perbincangan Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2003 di sini pada pagi Khamis.

Ketika memberi taklimat kepada wartawan Malaysia mengenai hasil keputusan sesi interaktif pagi antara ketua-ketua kerajaan terutamanya dari Afrika, Dr Omar berkata sementara para pemimpin pada umumnya gembira dengan kenyataan itu, ia masih lagi perlu diperhalusi sebelum dikeluarkan sebagai kenyataan berasingan, kemungkinan pada hari Jumaat.

Antara pemimpin-pemimpin yang menyertai sesi interaktif pagi termasuklah Naib Presiden Afrika Selatan, Jacob Zuma, Presiden Zimbabwe Presiden Robert Mugabe, Presiden Botswana Festus G. Mogae, Presiden Mozambique Joaquim Chissano, Presiden Sudan, Gen Omar Hassa Ahmad Al-Bashir, Presiden Namibia Sam Nujoma dan Presiden Uganda Yoweri Museveni.

Raja Mswati III dari Swaziland menjadi tuan rumah kepada Dialog Antarabangsa Selatan Afrika tahun ini.

Dr Omar berkata sementara negara-negara yang menyertai dialog perkongsian pintar itu tidak mempunyai kepentingan individu dengan WTO, "Kenyataan Ezulwini" itu disifatkan sebagai kata sepakat dan suara yang lantang dalam mempromosikan kepentingan negara-negara membangun, terutamanya yang berkaitan dengan pertanian dan farmaseutikal.

Pegawai-pegawai dagangan dari negara-negara membangun telah melahirkan rasa bimbang yang negara-negara maju mungkin gagal menunaikan komitmen mereka untuk meliberalkan perdagangan dalam bidang-bidang utama kepada negara-negara Dunia Ketiga.

Raja Mswati, pada majlis pembukaan dialog itu memberikan penekanan kepada betapa pentingnya "Kenyataan Ezulwini" dalam mempromosikan kepentingan Dunia Ketiga secara kolektif dan kenyataan bersama oleh ketua-ketua kerajaan yang menyertai dari Swaziland akan mempunyai lebih pengaruh.

Terdapat juga kebimbangan yang AS dan Kesatuan Eropah mungkin menarik balik komitmen mereka yang dibuat pada mesyuarat WTO yang lepas di Doha, bagi membolehkan ubat-ubatan murah dibuat di Afrika dan mengurangkan subsidi perladangan.

Beberapa pegawai yang menghadiri dialog itu secara persendirian melahirkan kebimbangan yang Mesyuarat Peringkat Menteri WTO Cancun yang akan bermula pada 10 September ini akan gagal.

Laporan-laporan menjelaskan yang AS dan Eropah mengambil pendirian tegas terhadap beberapa isu perbincangan seperti pengeluaran dan penghasilan ubat-ubatan murah untuk memerangi HIV-AIDS di Afrika.

Di Swaziland, dengan populasi 1.2 juta, kira-kira satu dalam setiap empat hingga lima orang dijangkiti dengan virus HIV-AIDS, sementara di Uganda, ia telah mencapai tahap kronik beberapa tahun lepas.

Kebanyakan negara ini tidak berdaya memerangi penderitaan AIDS ini

kerana ubat atau dadah untuk merawat mereka yang dijangkiti adalah mahal.

Ubat-ubatan yang murah akan memudahkan mereka memerangi wabak AIDS ini.

Walaupun AS dan Eropah bersetuju pada mesyuarat peringkat Doha untuk membenarkan negara-negara Afrika menghasilkan ubat-ubatan yang diperlukan ini dengan lebih murah, mereka (AS dan Eropah) kini menarik balik komitmen yang telah dibuat di Doha, tertekan oleh sikap melobi farmaseutikal yang berkuasa.

Mereka kini mahukan negara-negara Afrika dan negara membangun membeli ubat-ubatan mahal, sesuatu yang amat sukar kerana negara-negara Afrika yang miskin ini tidak mampu untuk berbuat demikian.

"AS dan Eropah tidak menunaikan komitmen mereka dan orang di sini berhadapan dengan maut," kata seorang pegawai yang enggan dikenali.

Malah dalam bidang-bidang sensitif sektor pertanian, kedua-dua AS dan Eropah menaikkan subsidi mereka terhadap para peladang, sekali gus sukar untuk peladang-peladang Afrika bersaing dengan produk-produk perladangan Amerika dan Eropah. -- BERNAMA

MR FR AA